

BERITA HARIAN

DATE: 11 / 9 / 2008

Dr M diharap bantu perkukuh semula Umno

KUALA LUMPUR: Hasrat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyertai semula Umno selepas mengambil keputusan keluar parti pada 25 Mei lalu diharap mampu membantu mengukuhkan Umno sebagai tunjang utama Barisan Nasional (BN).

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata memasuki semula Dr Mahathir ke dalam Umno secara tidak langsung akan merapatkan hubungan di kalangan ahli Umno serta membantu memperkukuhkan lagi Umno.

"Dulu beliau sendiri yang membuat keputusan untuk keluar dari parti, jika itulah

keputusannya sudah tentu kita mengalu-alukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas hasrat Dr Mahathir untuk menyertai semula Umno bagi membantu mengukuh dan meningkatkan keyakinan rakyat kepada parti itu dan BN.

Cadangan Dr Mahathir itu didedahkan oleh Naib Presiden Umno yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kelmarin, selepas beliau sendiri memujuk dan mencadangkan supaya Dr Mahathir mempertimbangkan untuk kembali bersama parti berkenaan. Muhyiddin juga dilapor-

kan berkata, jika semua perancangan dan proses kemasukannya semula secara rasmi berjalan lancar, Dr Mahathir akan menganggotai semula Umno dalam tempoh terdekat.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Mohamad Hasan, pula mempelawa Dr Mahathir mendaftar keahlian di cawangannya dan sedia menawarkan jawatan ketua cawangan yang kini disandangnya kepada beliau jika tiada cawangan lain bersedia menerimanya.

"Saya sambut baik hasrat Tun masuk semula parti dan sedia menawarkan jawatan Ketua Umno cawangan Rantau kepadanya," katanya.

BH 11/9/2008